

18/07/1998

Malaysia, Eritrea erat kerjasama

Faizal Fadzil

KUALA LUMPUR, Jumaat - Malaysia dan Eritrea menandatangani Perjanjian Ekonomi, Saintifik, Teknikal dan Kebudayaan bagi mengukuhkan lagi hubungan dan kerjasama kedua-dua negara.

Dengan perjanjian itu, Malaysia akan membantu Eritrea melatih pegawainya menerusi Program Kerjasama Teknikal Malaysia (MTCP) yang sehingga kini sudah menawarkan latihan kepada 4,000 kakitangan kerajaan negara Selatan-Selatan.

Kedua-dua negara juga akan mengukuhkan kerjasama ekonomi serta mengadakan program pertukaran rancangan televisyen supaya saling memahami budaya dan corak hidup masing-masing.

Majlis menandatangani perjanjian itu diadakan di Jabatan Perdana Menteri (JPM) di sini hari ini, dengan disaksikan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan Presiden Eritrea, Isaias Afwerki.

Perjanjian itu ditandatangani bersama Menteri Pengangkutan, Datuk Seri Dr Ling Liong Sik dan Menteri Pengangkutan dan Komunikasi Eritrea, Salih Kekia.

Sebelum itu, Dr Mahathir dan Afwerki mengetuai delegasi negara masing-masing mengadakan perbincangan dua hala kedua-dua negara.

Bercakap kepada pemberita selepas mesyuarat itu, Timbalan Menteri Luar, Datuk Dr Leo Michael Toyad, berkata Presiden Eritrea mengadakan lawatan ke negara ini bagi melihat sendiri kejayaan Malaysia dari dekat, selain mengadakan pertemuan peribadi dengan Dr Mahathir.

Dr Toyad berkata, Eritrea mahu mengetahui formula kejayaan pemimpin negara memajukan Malaysia dalam pelbagai bidang.

Katanya, ini kerana Eritrea mempunyai struktur masyarakat yang sama seperti Malaysia kerana negara itu memiliki penduduk berbilang bangsa.

"Pertemuan hari ini menghasilkan keputusan yang memuaskan kerana pemimpin kedua-dua negara dapat bertukar pandangan dan pengalaman," katanya.

Dalam bidang ekonomi, katanya, kedua-dua negara bersetuju meningkatkan hubungan perdagangan yang kini hanya berjumlah lebih RM1 juta.

"Eritrea meminta pelabur Malaysia meninjau peluang pelaburan di negara itu apabila tiba masa yang sesuai kelak," katanya.

Ketika ini, Malaysia mengimport barangan seperti kertas bon dari negara berkenaan yang baru mencapai kemerdekaan sejak lima tahun lalu.

Sementara itu, Afwerki berlepas pulang malam ini selepas lawatan dua hari ke negara ini.

Dr Toyad dan beberapa pegawai kanan kerajaan berada di Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA) di Sepang untuk mengucapkan selamat jalan kepada beliau.

Sebelum itu, Afwerki melakukan kunjungan perpisahan terhadap Yang di-Pertuan Agong Tuanku Ja'afar di Istana Negara.

(END)